

Soalan No: 38

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 22.3.2018 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan rayuan Kesatuan Pendidikan Cina untuk memohon Kerajaan memberi pengiktirafan ke atas kelulusan peperiksaan UEC dan peruntukan pembangunan bagi sekolah-sekolah Cina di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu UEC telah dijawab dengan jelas berulang kali di Parlimen. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terikat dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang merupakan suatu dasar yang dilaksanakan di bawah Akta pendidikan 1996 [Akta 550]. Dasar ini dilaksanakan menerusi suatu sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, Kurikulum Kebangsaan dan peperiksaan yang sama. Pendidikan yang diberikan adalah pelbagai dan komprehensif skopnya bagi memenuhi keperluan negara serta memupuk perpaduan negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Pendirian KPM adalah jelas bahawa semua sistem pendidikan yang hendak dilaksanakan di negara ini perlu berlandaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang telah diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Dalam hal ini, *Unified Examination Certificate* (UEC) didapati tidak akur dengan kehendak Dasar Pendidikan Kebangsaan tersebut.

KPM menegaskan bahawa UEC masih kekal *status quo*nya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. KPM juga mengambil maklum bahawa perbincangan berhubung perkara tersebut dilakukan oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Berhubung dengan peruntukan untuk sekolah-sekolah Cina, sejak RMKe-10 hingga RMke-11, Kerajaan telah meluluskan projek di SJKC kategori sekolah kerajaan yang melibatkan pembinaan sekolah gantian, projek naik taraf, pembinaan prasekolah serta pembinaan blok tambahan yang melibatkan peruntukan pembangunan (DE) sebanyak RM147,555,471. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM79.405 juta kepada 7 buah SJKC bantuan modal. Selain peruntukan pembangunan (DE), kerajaan juga telah menyalurkan sebanyak RM 509,982,872.00 kepada SJKC dari tahun 2008 sehingga 2017 di bawah Tabung Penyelenggaraan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 22 MAC 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 39

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik terkini jumlah remaja yang ditahan kerana tidak memiliki lesen memandu dan apakah usaha pihak Kementerian dalam memupuk serta memberikan kesedaran terhadap golongan tersebut agar memiliki lesen kenderaan yang sah.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod JPJ, bilangan notis yang dikeluarkan bagi kesalahan tiada lesen memandu bagi remaja berusia 24 tahun ke bawah masing-masing pada tahun 2015, 2016 dan 2017 adalah sebanyak 34,418 kes, 33,938 kes dan 35,437 kes.

Kerajaan sememangnya amat menitik berat isu-isu berhubung keselamatan jalan raya termasuk aspek pelesenan pemandu. Kaedah latihan dan penilaian calon pemandu yang dilaksanakan pada masa ini merupakan kaedah asas dalam menilai tahap kompetensi bakal pemandu terutamanya mengenai kemahiran pemanduan, kefahaman undang-undang dan peraturan keselamatan jalan raya serta sikap pemandu selamat.

Bagi meringankan beban rakyat, inisiatif-inisiatif Kerajaan seperti Program myLESEN, Program Satu Komuniti Satu JPJ (SKSJ) dan Program myPRIHATIN telah diperkenalkan bagi memastikan rakyat Malaysia memiliki sekurang-kurangnya lesen memandu asas B2 (Motosikal). Kerajaan yakin bahawa Program myLESEN, Program SKSJ dan Program myPRIHATIN ini dapat membantu serta menyumbang kepada pengurangan jumlah mereka yang menunggang tanpa lesen seterusnya membawa kepada peningkatan keselamatan jalan raya.

Selain itu, Kerajaan pada September 2014 juga telah menetapkan kadar siling bagi memperolehi lesen memandu sebagai langkah kawalan harga. Melalui kawalan siling tersebut, orang ramai akan dapat membuat pilihan untuk mendapatkan kemudahan latihan di institut-institut memandu yang



menawarkan yuran munasabah selain kualiti perkhidmatan yang baik. Kadar siling yang ditetapkan tersebut telah dikaji mengambil kira kadar yang bersesuaian berdasarkan harga pasaran semasa selain komitmen penambahbaikan kurikulum pemandu yang telah dilaksanakan.